

KPDNKK masih bincang

Alor Setar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Cooperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) masih dalam tempoh perbincangan di peringkat atasan berhubung keputusan dan tindakan bakal dikenakan kepada penjual rokok elektronik atau vape.

Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, pihaknya masih perlu melakukan rundingan dengan pelbagai pihak.

“Hal ini kerana isu berkaitan vape ini, membabitkan banyak pihak, terutamanya pengguna, peniaga dan dalam masa yang sama memerlukan perbincangan daripada pelbagai agensi.

“Isu ini perlukan pembabitkan dari semua pihak, terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana membabitkan penggunaan nikotin dan asap, termasuk pihak Jabatan Kastam kerana ia diimport

dari pelbagai negara, dan juga pihak peniaga itu sendiri,” katanya pada sidang media Majlis Penutup Program Siswa@Kampung 2015, di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian.

Ahmad Bashah berkata, penggunaan vape ini perlu dipandang dari pelbagai segi kerana, alat berkenaan memerlukan bateri khas, cecair perisa dan sistem pendawaian pemanas yang semuanya boleh diubahsuai.

“Ia sama seperti isu shisa dan sebagainya. Sebelum ini ia sudah biasa digunakan tapi bila ia menimbulkan masalah kepada pengguna, KPDNKK perlu mengambil tindakan untuk melindungi pengguna.

“Kita tahu sekiranya kita larang, vape mungkin dijual dalam pasaran gelap, sebab

itu kerajaan perlu lakukan sesuatu supaya semua pihak berpuas hati dan alatan yang dijual itu selamat termasuk dalam soal keselamatan,” katanya.

Sementara itu, pada program berkenaan, seramai 60 siswa UPM terdiri pelajar semester pertama yang mengikuti program anak angkat bersama 30 keluarga angkat.

“Program berkenaan bertujuan mendedahkan penuntut berkenaan dengan kehidupan kampung di pinggir bandar dan turut menjadi rujukan sebagai medium menyebarkan risalah pengetahuan berkaitan kepenggunaan.

“Siswa dan siswi ini mampu menjadi ejen untuk menyebarkan pengetahuan berkaitan teknik berbelanja secara berhemah dan sekali gus melatih mereka untuk bersama dengan komuniti,” katanya.